

29 MAR 2002

Mahathir-mewah

CARA MALAYSIA URUSKAN EKONOMI UNTUNGGAN RAKYAT DAN KERAJAAN, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 29 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata walaupun kerajaan kadangkala mengambil pendapatan berbeza dalam pengurusan ekonomi, langkah itu sebenarnya menguntungkan rakyat dan juga kerajaan.

Perdana Menteri berkata sebagai contoh, rakyat kini mampu membeli barangan import yang mewah setelah kerajaan menghapuskan atau mengurangkan cukai.

"Saya nampak kini boleh dikatakan semua yang dahulu tidak ada kamera, kini ada kamera. Semua beli barang-barang yang mewah dengan (harga) murah-murah," kata Perdana Menteri pada majlis dialog dengan pegawai dan kakitangan.

Katanya, dahulu barangan mewah yang dibawa masuk dikenakan cukai 100 peratus dan ini menjadikannya mahal.

Perdana Menteri itu berkata apabila barangan mewah dijual dengan harga tinggi di dalam negara, rakyat yang berkemampuan pergi ke luar negara seperti ke Singapura yang tidak mengenakan cukai bagi barangan mewah.

Apabila keadaan ini berleluasa, kerajaan mendapati pendapatannya cukainya berkurangan kerana kegiatan menyeludup masuk barangan mewah dan import, katanya.

Dr Mahathir berkata, kini dengan cukai yang lebih rendah, rakyat boleh membelinya pada harga yang murah dan tidak perlu ke luar negara untuk membelinya.

"Dengan keadaan ini permintaan di kedai-kedai menjual barangan ini akan meningkat dan membantu melariskan barangan pekedai.

"Apabila ini berlaku, tentunya syarikat atau pekedai akan mendapat untung yang lebih baik dan daripada jumlah keuntungan itu, sebanyak 28 peratus dituntut oleh kerajaan menerusi cukai perniagaan," katanya.

Dialog yang berlangsung di Dewan Jubli Perak di sini dihadiri lebih 1,000 pegawai dan kakitangan awam di Selangor. Ia juga diikuti secara sidang video di semua majlis perbandaran dan majlis daerah seluruh Selangor.

-- BERNAMA

RIZ MAI